

CNS4116

R GB 18-02 00166 BA959

b a h

Mahathir - SPR

KESILAPAN RUGIKAN WANG RAKYAT, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Datuk Scti Dr Mahathir Mohamad berkata urusan persempadanan semula kawasan pilihan raya yang dibatalkan kerana masalah teknikal baru-baru ini telah merugikan rakyat.

"Apa nak' buat, dalam pentadbiran sesebuah negara kadang-kadang berlaku kesilapan dan ini merugikan kita semua, wang rakyat," katanya pada persidangan akhbar di lapangan terbang di Subang sekembalinya dari lawatan ke Bangladesh dan Pakistan.

Perdana Menteri berkata urusan persempadanan itu sepatutnya dibuat dengan berhati-hati kerana melibatkan peraturan dan undang-undang.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengumumkan dua hari lepas mengenai pembatalan semua notis berkajitan dengan persempadanan semula kawasan mengundi baru bagi Semenanjung dan Sabah yang diumumkan pada 26 Nov lepas.

Pembatalan itu dibuat setelah SPR menyedari wujudnya kesilapan teknikal dalam pelaksanaan urusan persempadanan semula itu.

Dr Mahathir berkata masalah teknikal telah "menggangu" bukan sahaja usaha seperti persempadanan kawasan-kawasan pilihan raya itu tetapi juga perkara-perkara lain. -- Lagi.

▼18/02/13-05MST

CNS4117

R GB 18-02 00131 DA960

bah

Mahathir - SPR 2 Kuala Lumpur

"Negera kita begitu mengikatkan diri dengan peraturan dan undang-undang sehingga perkara yang jelas melibatkan hanya soal teknikal sahaja akan menyebabkan kita tidak dapat melaksanakan sesuatu.

"Saya tidak mencadangkan supaya kita membelakangkan undang-undang dan peraturan tetapi dalam perkara yang semacam ini sepatutnya kita berhati-hati tentang urusan yang bersangkutan dengan peraturan dan undang-undang.

"Kita juga harus terima bahawa apabila sesuatu itu berlaku hanya kerana perkara teknikal, kita mempunyai sedikit 'flexibility' tentang perkara ini... tetapi ini bukanlah untuk saya menentukan," kata Perdana Menteri.

Ketika diminta menghurai maksud 'flexibility' itu, Dr Mahathir berkata: "Kadang-kadang seseorang itu tersilap menulis haribulan ataupun kadang-kadang kertas yang ditonjolkan ialah kertas yang tidak mempunyai tandatangan... walaupun ada yang mempunyai tandatangan tetapi dipilih yang tidak bertandatangan." -- Lagi.

♥18/02/13-06MST ,

CNS4134

U GB 18-02 00144 BA961

bah

Mahathir. - SPR 3 Kuala Lumpur

Mengenai cabaran Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang kepada Pengerusi SPR Datuk Harun Din supaya meletakkan jawatan, Dr Mahathir berkata pemimpin pembangkang itulah yang sepatutnya meletakkan jawatan sebagai Setiausaha Agung DAP.

"Saya mencabar Encik Lim Kit Siang supaya meletakkan jawatan sebagai setiausaha agung dan memegang jawatan presiden partinya...nampaknya setiausaha lebih besar dari presiden, ini pelik sikit," katanya.

Ketika ditanya samaada pembatalan urusan persempadanan itu menjejaskan sebarang rancangan mengadakan pilihan raya, Dr Mahathir berkata beliau tidak nampak timbulnya masalah.

Katanya, jika pilihan raya hendak diadakan sekarang, kawasan persempadanan yang ada boleh digunakan.

"Saya tak nampak ada masalah kalau kita hendak adakan pilihan raya... Kit Siang tak akan menang juga.

"Dia akan terus gagal walaupun ada tamhahan kawasan ataupun jika jumlah kawasan dikurangkan," katanya. -- Lagi.

♥18/02/13-32MST

CNS4140

U GB 18-02 00136 BA962

bah

Mahathir - SPR 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Ketika mengumumkan pembatalan itu, Harun telah menyatakan bahawa setelah Parlimen meluluskan menambahkan 1% kerusi Parlimen pada Oktober lepas, SPR diarahkan membuat urusan persempadanan semula mengikut Perkara 113 (3A) Perlembagaan sedangkan peruntukan yang sesuai bagi urusan ini ialah Perkara 113 (2).

Perkara 113(3A) mempruntukkan bahawa jika jumlah anggota Parlimen atau Dewan Undangan Negeri diubah, SPR perlu mengkaji kawasan Parlimen berkenaan sahaja manakala menurut Perkara 113 (2), SPR diperlukan mengkaji semula semua kawasan Parlimen dan menesyorkan perubahan sekurang-kurangnya sekali setiap lapantahun.

Semalam, Menteri Undang-Undang Datuk Syed Hamid Albar berkata Jabatan Peguam Negara akan membuat pindaan pada Seksyen 3, Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992 bagi membolehkan SPR meneruskan semula persempadanan kawasan mengundi baru untuk seluruh Semenanjung dan Sahah. -- Bernama.

▼18/02/13-43MST